



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**PERBEZAAN TAHAP PENGETAHUAN DAN SIKAP GURU TERHADAP
PENDEKATAN DIDIK HIBUR DALAM PENGAJARAN BAHASA MELAYU
SEKOLAH RENDAH**

OWING JI SENG

FPP 2020 19



**PERBEZAAN TAHAP PENGETAHUAN DAN SIKAP GURU TERHADAP
PENDEKATAN DIDIK HIBUR DALAM PENGAJARAN BAHASA MELAYU
SEKOLAH RENDAH**

Oleh

OWING JI SENG

**Tesis dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk mendapatkan Ijazah Master Sains**

Januari 2020

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang dinyatakan daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains

**PERBEZAAN TAHAP PENGETAHUAN DAN SIKAP GURU TERHADAP
PENDEKATAN DIDIK HIBUR DALAM PENGAJARAN BAHASA MELAYU
SEKOLAH RENDAH**

Oleh

OWING JI SENG

Januari 2020

Pengerusi: Azhar Bin Mohd Sabil, PhD
Fakulti : Pengajian Pendidikan

Pendekatan didik hibur ialah satu pendekatan pengajaran yang dijalankan di bilik darjah secara santai dan seronok. Pengajaran guru akan menjadi lebih mesra murid supaya dapat menerima pengajaran guru tanpa berasa tertekan. Untuk melihat sejauh mana pengetahuan dan sikap guru terhadap pendekatan didik hibur dalam pengajaran Bahasa Melayu di sekolah rendah daerah Hulu Langat maka satu kajian telah dijalankan. Sampel rawak berlapis bernisbah digunakan untuk memilih 327 orang responden yang terdiri daripada guru sekolah rendah di daerah Hulu Langat. Borang soal selidik telah digunakan sebagai instrumen kajian untuk mengumpul data dan dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan inferensi. Analisis deskriptif menunjukkan bahawa tahap pengetahuan guru adalah tinggi terhadap pendekatan didik hibur (min = 4.00, SP = 0.34) manakala sikap guru terhadap pendekatan didik hibur dalam pengajaran Bahasa Melayu adalah positif (min = 3.55, SP = 0.41). Aspek tingkah laku guru berada pada tahap yang positif (min = 3.80, SP = 0.48) namun begitu, aspek afektif dan kognitif berada pada tahap sederhana dengan masing-masing dengan min = 3.64, SP = 0.50 dan min = 3.23 SP = 0.48. Seterusnya dapatan kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap pengetahuan dengan jenis sekolah [$F(2, 326) = 5.906, P = .003 < .05$] dan antara sikap guru dengan jenis sekolah [$F(2, 326) = 3.648, P = .027 < .05$]. Walau bagaimanapun, tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap pengetahuan dan sikap guru terhadap pendekatan didik hibur antara guru beropsyen Bahasa Melayu (Min = 4.00, SP = .34) dengan guru yang tidak mempunyai opsyen Bahasa Melayu (Min = 4.02, SP = 0.34; $t(259) = -.657, p = .512 > .05$) dan antara guru beropsyen Bahasa Melayu (Min = 3.56, SP = 0.40) dengan guru yang tidak mempunyai opsyen Bahasa Melayu (Min = 3.55, SP = 0.43; $t(245) = -.196, p = .844 > .05$) serta juga tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap pengetahuan terhadap pendekatan didik hibur dengan pengalaman guru mengajar [$F(2, 326) = .995, P = .371 > .05$] dan antara sikap guru terhadap pendekatan didik hibur dengan pengalaman guru mengajar [$F(2, 326) = .242, P = .785 > .05$]. Secara kesimpulannya, pengajaran guru Bahasa Melayu di sekolah rendah daerah Hulu Langat yang menggunakan pendekatan didik hibur dapat menarik

minat dan rasa seronok murid untuk terus belajar mata pelajaran Bahasa Melayu seiring dengan arus pendidikan abad ke-21 ini kerana guru memiliki tahap pengetahuan yang tinggi dan sikap yang positif terhadap pengajaran masing-masing.



Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of the requirement for the degree of Master of Science

THE DIFFERENCE BETWEEN LEVEL OF TEACHERS' KNOWLEDGE AND ATTITUDES TOWARDS THE "DIDIK HIBUR" APPROACH IN TEACHING THE MALAY LANGUAGE AT PRIMARY SCHOOL

By

OWING JI SENG

January 2020

Chairman: Azhar Bin Mohd Sabil, PhD
Faculty : Educational Studies

The "Didik Hibur" is a teaching approach conducted in a relaxed and fun atmosphere. This approach is more student-friendly so that the student can follow the teaching without any difficulty. To ensure the "Didik Hibur" approach is the most appropriate approach use in the teaching of Malay language, a study was conducted to identify the depth of the teachers' knowledge and attitudes towards the "Didik Hibur" in the primary school within the District of Hulu Langat. The teaching approach is the main focus of the research because of an effective approach by the teacher will enhance student's achievement in a particular subject. Stratified random sampling was used to select 327 respondents from primary school teachers within the District of Hulu Langat. A questionnaire was used as the research instrument to collect data. The data were analyzed by descriptive and inferential statistics. Descriptive analysis shows that teachers' knowledge level of "Didik Hibur" is high ($M = 4.00$, $SD = 0.34$). Meanwhile, teachers' attitudes towards "Didik Hibur" approach in the teaching of Malay language is moderate ($M = 3.55$, $SD = 0.41$). The aspects of teachers' behavior is positive ($M = 3.80$, $SD = 0.48$) but affective and cognitive aspects are at a moderate level ($M = 3.64$, $SD = 0.50$) and ($M = 3.23$, $SD = 0.48$). Subsequent findings indicate that there are significant differences between teachers' knowledge and attitudes in terms of school type. However, there were no significant differences between teachers' knowledge and attitudes towards the "Didik Hibur" approach in terms of teacher's options and teaching experience. Several suggestions have been put forward for the improvement of the "Didik Hibur" approach. This approach should be pursued in the teaching of Malay language in primary school as it is advantageous. Besides that, appropriate courses should also be provided by the Ministry of Education of Malaysia, specifically Curriculum Development Division, always to enhance the level of knowledge and attitude of the teachers for the sake of national education interest. In conclusion, inline with the 21st century education development, by using the "Didik Hibur" approach, it will be attracting and delighting students to learn more about the Malay language.

PENGHARGAAN

Segala puji dan sanjungan kepada Tuhan kerana memberikan kekuatan dan kesabaran kepada saya dalam menyempurnakan tesis ini untuk memenuhi syarat bagi mendapatkan ijazah sarjana Master Sains. Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih yang tidak terhingga kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang telah menaja pengajian dan penyelidikan saya. Terima kasih juga kepada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Jabatan Pendidikan Negeri Selangor, Pejabat Daerah Hulu Langat dan semua responden yang dijadikan sampel dalam kajian ini kerana telah memberikan kerjasama yang sepenuhnya kepada saya dalam usaha menyiapkan kajian ini.

Kepada Dr. Azhar Bin Md. Sabil serta Dr. Shamsudin Bin Othman, selaku penyelia dan penolong penyelia saya, setinggi-tinggi ucapan terima kasih saya hulurkan kerana telah memberikan segala sokongan, bantuan, idea, tunjuk ajar, teguran dan dorongan yang menguatkan semangat saya untuk menghabiskan penulisan tesis ini. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada semua pensyarah Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia yang telah memberikan pengajaran dan bimbingan yang berguna kepada saya.

Buat para teman seperjuangan yang telah bersama-sama terlibat dalam kajian ini sama ada secara langsung atau tidak langsung juga akan saya kenang jasa kalian buat selama-lamanya. Terima kasih kerana sentiasa menghulurkan pertolongan dan memberikan semangat sehingga saya berjaya menyiapkan penyelidikan ini.

Tidak lupa juga penghargaan dan hadiah yang berharga ini buat isteri, anak-anak dan ibu yang tercinta kerana sentiasa memberikan kata-kata perangsang untuk terus berjuang menyiapkan hasil kerja ini. Terima kasih kerana sanggup bersama dalam suka duka menghadapi pelbagai cabaran dan dugaan sepanjang menjalani kajian ini.

Sekian, terima kasih.

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Master Sains. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Azhar bin Md. Sabil, PhD
Pensyarah Kanan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Shamsudin bin Othman, PhD
Pensyarah Kanan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ZALILAH MOHD SHARIFF, PhD
Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 13 Ogos 2020

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hak cipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012–2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____ Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik: _____

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami,
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan di bawah Peraturan 41 dalam Peraturan 2003 (Semakan 2012–2013)

Tandatangan: _____
Nama
Pengerusi
Penyeliaan _____

Tandatangan: _____
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan _____

JADUAL KANDUNGAN

	Muka Surat
ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	iv
PENGESAHAN	v
PERAKUAN	vii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI SINGKATAN	xv
BAB	
1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang	3
1.3 Pernyataan Masalah	6
1.4 Objektif Kajian	8
1.5 Persoalan Kajian	9
1.6 Hipotesis Kajian	9
1.7 Kepentingan Kajian	9
1.8 Skop Kajian	11
1.9 Definisi Operasional	12
1.9.1 Pendekatan Didik Hibur	12
1.9.2 Guru Bahasa Melayu	13
1.9.3 Pengajaran Guru	13
1.9.4 Pengetahuan Guru	14
1.9.5 Sikap Guru	14
1.10 Kesimpulan	15
2 SOROTAN LITERATUR	
2.1 Pengenalan	16
2.2 Pendekatan Didik Hibur	16
2.3 Ciri-ciri Pendekatan Didik Hibur	18
2.4 Teknik-teknik dalam Pendekatan Didik Hibur	19
2.4.1 Teknik Nyanyian	19
2.4.2 Teknik Bercerita	21
2.4.3 Teknik Lakonan	23
2.4.4 Teknik Berpuisi	26
2.5 Pengetahuan Guru dalam Pendekatan Didik Hibur	28
2.6 Sikap Guru dalam Pendekatan Didik Hibur	30
2.7 Teori Pengetahuan Shulman	33
2.8 Model Sikap ABC	35
2.9 Kerangka Konseptual Kajian	38
2.10 Kesimpulan	40

3	METODOLOGI	
3.1	Pengenalan	41
3.2	Reka Bentuk Kajian	43
3.3	Populasi dan Pensampelan	43
3.4	Instrumen Kajian	45
3.5	Kesahan dan Kebolehpercayaan	47
3.6	Kajian Rintis	47
3.7	Pengumpulan Data	48
3.8	Analisis Data	49
3.9	Kesimpulan	51
4	DAPATAN KAJIAN	
4.1	Pengenalan	52
4.2	Latar Belakang Responden	52
4.3	Tahap Pengetahuan Guru Bahasa Melayu terhadap Pendekatan Didik Hibur	57
4.3.1	Tahap Pengetahuan Guru dalam Konstruk Konsep	57
4.3.2	Tahap Pengetahuan Guru dalam Konstruk Ciri-ciri	58
4.3.3	Tahap Pengetahuan Guru dalam Konstruk Pelaksanaan	59
4.3.4	Tahap Pengetahuan Guru dalam Konstruk Bahan Bantu Mengajar	60
4.4	Sikap Guru Bahasa Melayu terhadap Pendekatan Didik Hibur	61
4.4.1	Sikap Guru dalam Konstruk Afektif	62
4.4.2	Sikap Guru dalam Konstruk Tingkah Laku	63
4.4.3	Sikap Guru dalam Konstruk Kognitif	65
4.5	Perbezaan yang Wujud antara Pemboleh ubah Demografi Guru dengan Pengetahuan Guru Bahasa Melayu	66
4.6	Perbezaan yang Wujud Antara Pemboleh ubah Demografi Guru dengan Sikap Guru Bahasa Melayu	67
4.7	Kesimpulan	72
5	RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN	
5.1	Pengenalan	73
5.2	Ringkasan Kajian	73
5.2.1	Objektif Kajian	73
5.2.2	Latar Belakang Kajian	73
5.2.3	Hasil Dapatan Kajian	74
5.3	Perbincangan Hasil Dapatan Kajian	75
5.3.1	Pengetahuan Guru Bahasa Melayu terhadap Pendekatan Didik Hibur	75
5.3.2	Sikap Guru Bahasa Melayu terhadap Pendekatan Didik Hibur	78
5.3.3	Perbezaan yang wujud antara Pemboleh ubah Demografi dengan Pengetahuan Guru	80

5.3.4	Perbezaan yang wujud antara Pemboleh ubah Demografi dengan Sikap Guru	81
5.4	Rumusan	82
5.5	Implikasi Kajian	83
5.6	Cadangan	85
5.7	Cadangan untuk Kajian Lanjutan	87
5.8	Kesimpulan	88
RUJUKAN		90
LAMPIRAN		97
BIODATA PELAJAR		114
PENERBITAN		115



SENARAI JADUAL

Jadual		Muka Surat
3.1	Pensampelan Rawak Berlapis Bernisbah untuk Menentukan Saiz Sampel	44
3.2	Interpretasi Skor Min bagi Pengetahuan dan Sikap	46
3.3	Nilai Pekali <i>Alpha Cronbach</i> untuk Melihat Kebolehpercayaan Kajian Rintis	48
3.4	Analisis Data untuk Setiap Persoalan Kajian	49
3.5	Jadual Tahap Interpretasi Skor Min	50
4.1	Ringkasan Demografi Responden	52
4.2	Perbandingan antara Opsyen dengan Kelayakan Akademik dan Waktu Mengajar dalam Seminggu	55
4.3	Perbandingan antara Opsyen dengan Jenis Sekolah dan Pengalaman Mengajar	55
4.4	Perbandingan antara Bangsa dengan Jantina, Opsyen dan Waktu Mengajar dalam Seminggu	56
4.5	Konstruk Konsep	57
4.6	Konstruk Ciri-ciri	58
4.7	Konstruk Pelaksanaan	59
4.8	Konstruk Bahan Bantu Mengajar	60
4.9	Sikap guru terhadap Pendekatan Didik Hibur Mengikut Konstruk	62
4.10	Konstruk Afektif	62
4.11	Konstruk Tingkah Laku	63
4.12	Konstruk Kognitif	65
4.13	Ujian-t untuk Sampel Tidak Bersandar bagi Pengetahuan terhadap Pendekatan Didik Hibur Mengikut Pemboleh Ubah Demografi	66

4.14	Ujian-t untuk Sampel Tidak Bersandar bagi Sikap Guru terhadap Pendekatan Didik Hibur Mengikut Pemboleh Ubah Demografi	67
4.15	Ujian ANOVA Sehala bagi Pengetahuan Guru terhadap Pendekatan Didik Hibur Mengikut Pengalaman	67
4.16	Ujian ANOVA Sehala bagi Sikap Guru terhadap Pendekatan Didik Hibur Mengikut Pengalaman	68
4.17	Ujian ANOVA Sehala bagi Pengetahuan Guru terhadap Pendekatan Didik Hibur Mengikut Jenis Sekolah	68
4.18	Ujian Perbandingan Berganda Tukey bagi Jenis Sekolah	69
4.19	Kesan Saiz eta square	70
4.20	Ujian ANOVA Sehala bagi Sikap Guru terhadap Pendekatan Didik Hibur Mengikut Jenis Sekolah	70
4.21	Ujian Perbandingan Berganda Tukey bagi Jenis Sekolah	71
5.1	Rumusan Dapatan Kajian Berdasarkan Persoalan Kajian	74

SENARAI RAJAH

Rajah		Muka Surat
2.1	Model Sikap ABC	35
2.2	Kerangka Konseptual Kajian	39
3.1	Carta Aliran Proses Kajian	42



SENARAI SINGKATAN

BBM	Bahan Bantu Mengajar
PdPc	Pembelajaran dan Pemudahcaraan
SK	Sekolah Kebangsaan
SJKC	Sekolah Jenis Kebangsaan Cina
SJKT	Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil
TMK	Teknologi Maklumat dan Komunikasi



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Sistem pendidikan yang terdapat di Malaysia masih menerima proses transformasi dalam penambahbaikan dan meninggikan tahap kecemerlangan pendidikan negara. Kualiti dan kecemerlangan pendidikan amat berkait rapat dengan proses pengajaran guru. Guru perlu mencapai objektif pengajaran yang ditetapkan supaya murid memperoleh pembelajaran optimum. Oleh itu, pendekatan pengajaran yang digunakan oleh guru menjadi semakin mencabar, pelbagai ilmu pengetahuan perlu dikuasai dan difahami untuk memantapkan proses pengajaran. Para guru perlu memilih pendekatan pengajaran yang tepat, sesuai dan terkini supaya dapat meningkatkan keupayaan dalam menyampaikan ilmu pengetahuan kepada murid. Guru haruslah menggunakan proses pengajaran yang berkesan supaya objektif pengajaran yang dirancang dapat dicapai dengan sepenuhnya.

Pendekatan pengajaran yang telah dibaharui perlu diterima dan digunapakai oleh guru-guru supaya proses pengajaran dapat dilaksanakan dengan bermakna agar memberikan impak yang tinggi kepada murid (Yahya Buntat & Lailanita Ahamad, 2012). Dalam era teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) yang mudah dicapai tanpa sempadan, pengajaran guru berbentuk sehalu tidak lagi relevan dengan pembelajaran murid. Para guru perlu melibatkan murid dalam proses pengajaran mereka. Guru tidak boleh mencurahkan segala maklumat secara pasif dan sehalu kepada murid. Hal ini kerana murid pada abad ini mengharapkan proses pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) guru akan melibatkan mereka secara langsung bersama-sama rakan sekelas yang lain (Normarini Norzan, 2016).

Untuk merealisasikan hasrat golongan muda yang akan menjadi pemimpin negara kelak, maka guru seharusnya mengambil inisiatif yang proaktif untuk menambah ilmu pengetahuan tentang pedagogi dan kandungan sesuatu subjek yang diajar di dalam kelas. Guru juga harus mengamalkan sikap yang positif terhadap perubahan pendekatan pengajaran dari semasa ke semasa untuk membentuk anak didik menjadi manusia yang berilmu dan berbakti serta dapat memimpin negara menjadi lebih maju dan makmur pada masa hadapan. Hala tuju kejayaan negara pada masa hadapan terletak pada tangan murid yang sedang dididik. Mereka perlu diajar dan dibimbing supaya menjadi modal insan yang berjaya dengan menguasai ilmu dalam pelbagai bidang yang diminati.

Peranan seseorang guru ketika mengajar adalah sangat penting dalam bidang pendidikan kerana guru ialah agen yang bakal membawa perubahan kepada murid serta menjadi teladan yang akan menjadi ikutan murid (Abdul Halim Tamuri & Mohd

Khairul Azman Ajuhary, 2010). Pendekatan pengajaran yang pelbagai dan kreatif dapat mewujudkan suasana pengajaran menyeronokkan dan santai (Adenan Ayob & Khairuddin Mohamad, 2012) seperti hasrat KPM yang terkandung dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 - 2025. Pendekatan pengajaran yang pelbagai, menarik, seronok, berkesan dan berpusatkan murid akan menarik minat dan motivasi murid untuk belajar dan menguasai subjek Bahasa Melayu. Hal ini akan meningkatkan penguasaan Bahasa Melayu dalam penilaian yang dijalankan supaya menjadi lebih baik (Abdul Rahman Abd Aziz, 2012).

Pengajaran yang tidak menarik atau sehalah oleh guru boleh menyebabkan murid menjadi bosan untuk mengikuti PdPc yang dijalankan oleh guru tersebut (Shaffe Mohd Daud, Ramli Basri, Roselan Baki, Sahandri Ghani Hamzah & Mokhtar Nawawi, 2011). Kebosanan murid untuk belajar akan menimbulkan pelbagai masalah dalam bilik darjah dan mengganggu pengajaran guru ketika itu (Alis Puteh, 2016). Murid-murid yang tidak berminat mempelajari Bahasa Melayu juga akan menyebabkan keadaan kelas sukar dikawal oleh guru. Oleh itu, masalah murid ketinggalan dalam mata pelajaran Bahasa Melayu menjadi semakin meruncing lagi terutamanya di sekolah jenis kebangsaan kerana Bahasa Melayu bukan bahasa ibunda mereka sebaliknya hanya merupakan bahasa kedua atau ketiga bagi mereka.

Walaupun telah diiktiraf sebagai bahasa kebangsaan sekali gus sebagai bahasa rasmi negara tetapi masih terdapat murid-murid di sekolah yang tidak mencapai tahap yang baik dalam bahasa ini kerana Bahasa Melayu adalah agak susah untuk dikuasai kerana terlalu luas untuk dipelajari dan difahami (Nor Hashimah, 2010). Oleh sebab murid berbangsa Melayu merasakan bahawa Bahasa Melayu sangat senang dan mudah, mereka pun beranggapan bahawa mereka sudah mengetahui dan menguasai bahasa ini kerana selalu menggunakannya. Mereka tidak menyedari bahawa masih banyak unsur tatabahasa yang tidak dikuasai dan digunakan secara salah semasa mereka berkomunikasi sesama rakan dan keluarga. Murid berbangsa Melayu juga selalu melakukan kesilapan semasa penulisan dalam Bahasa Melayu walaupun bahasa ini merupakan bahasa ibunda mereka (Norul Haida Redzuan, 2011).

Begitu juga dengan murid yang belajar di sekolah jenis kebangsaan, mereka kurang berminat untuk mempelajari Bahasa Melayu kerana bahasa ini merupakan bahasa kedua yang agak sukar dikuasai oleh mereka (Endang Pertiwi Saidy 2012; Chew Fong Peng 2016). Kenyataan ini disokong oleh kajian Noorul Khairien Abdul Malek (2014) yang mengatakan bahawa murid bukan Melayu lebih gemar dan selesa dengan penggunaan bahasa ibunda masing-masing kerana bahasa ibunda lebih senang difahami. Guru-guru yang mengajar subjek Bahasa Melayu harus mempelbagaikan pendekatan pengajaran semasa menjalankan PdPc bagi menimbulkan rasa ingin belajar Bahasa Melayu dalam kalangan murid (Adenan Ayob & Khairuddin Mohamad, 2012). Guru-guru yang mengajar Bahasa Melayu perlu memiliki ilmu pengetahuan yang banyak dan mempunyai sikap positif untuk mengajar murid-murid supaya menguasai Bahasa Melayu dengan baik tanpa mengira bangsa, kaum, keturunan dan agama mereka.

Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memperkenalkan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) untuk menukar

Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) mulai tahun 2011 secara berperingkat. KPM telah mengarah sekolah-sekolah rendah merealisasikan KSSR ini kepada murid-murid Tahun 1 bermula dari tahun 2011 berdasarkan surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 11/2010 yang dikeluarkan pada 14 Oktober 2010. Dalam KSSR ini, pendekatan didik hibur telah diperkenalkan dan perlu dilaksanakan dalam proses PdPc Bahasa Melayu supaya pembelajaran murid adalah dalam suasana menyeronokkan, santai dan lebih menarik (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2013). Jika murid-murid berminat dan berasa seronok untuk belajar Bahasa Melayu, maka dengan sendirinya mereka dapat menguasai dan menggunakan Bahasa Melayu dengan mudah, seterusnya dapat memperoleh keputusan yang baik semasa penilaian subjek ini.

Pendekatan didik hibur dapat memberikan fokus semasa pengajaran Bahasa Melayu supaya dijalankan dalam suasana yang seronok, menarik dan santai. Murid-murid yang mengikuti PdPc Bahasa Melayu tertarik dengan pengajaran guru yang menggunakan pendekatan didik hibur. Murid memerlukan bantuan dan bimbingan untuk menimbulkan minat bagi mempelajari Bahasa Melayu secara berterusan. Oleh itu, dengan adanya pendekatan didik hibur dalam pengajaran guru, murid seharusnya berjaya meningkatkan minat belajar kerana pengajaran yang dijalankan bersifat lebih interaktif dan melibatkan murid secara aktif. Pendekatan didik hibur yang dilaksanakan semasa PdPc Bahasa Melayu dapat mewujudkan suasana pengajaran guru yang berkesan kerana murid dapat belajar dalam keadaan yang riang, selesa dan terhibur.

1.2 Latar Belakang

Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) telah diubahsuai dengan penambahbaikan daripada KBSR yang berhasrat mencapai keperluan murid, mendapatkan maklumat, meningkatkan penguasaan, memperoleh pengetahuan, mengamalkan norma, menyumbangkan pendapat dan mewujudkan hubungan yang erat dalam hidup bermasyarakat. Selari dengan hasrat Falsafah Pendidikan Negara yang menekankan pendidikan bagi mewujudkan insan yang seimbang, berkembang secara menyeluruh dan bersepadu dari aspek rohani, intelek, emosi, jasmani dan sosial agar dapat menyumbangkan bakti dan jasa kepada negara pada masa hadapan.

Pengajaran guru yang menarik, berkesan dan bersifat interaktif sangat diharapkan dalam KSSR agar murid dapat belajar secara berterusan. Di dalam KSSR telah dicadangkan supaya pengajaran secara praktikal atau amali dilaksanakan untuk menjadikan pengajaran berlangsung dengan lebih menyeronokkan dengan penglibatan aktif murid dalam proses pengajaran. Pembelajaran penyelesaian masalah, pembelajaran berasaskan projek, pembelajaran luar bilik darjah, pembelajaran koperatif, melakukan inkuiri penemuan dan belajar sambil bermain boleh dijalankan semasa PdPc KSSR untuk meningkatkan kepelbagaian pendekatan pengajaran dalam bilik darjah. Guru boleh memilih dan menggabungkan beberapa pendekatan pengajaran untuk menjadikan proses pengajaran menarik dan diminati oleh murid.

Di samping itu, pengajaran guru yang berasaskan KSSR ini sepatutnya menggalakkan murid mendapatkan ilmu pengetahuan, meningkatkan kreativiti, mengaplikasikan

sebanyak mungkin kemahiran dan menerapkan nilai murni. Pendekatan didik hibur juga telah diselitkan dalam KSSR dengan menekankan kepada persekitaran pembelajaran berpusatkan murid yang aktif dan menyeronokkan secara terancang untuk mewujudkan cabaran, perasaan ingin mengetahui, kawalan, imaginasi, berganding bahu, bersaing secara sihat dan diiktiraf (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2013). Pengajaran guru perlulah menimbulkan keseronokan dan keinginan yang tinggi dalam proses pembelajaran anak-anak murid (Mazlan Ismail, 2016). Keseronokan dan suasana santai semasa guru mengajar akan mewujudkan perasaan ingin belajar dan meningkatkan penguasaan murid untuk mempelajari Bahasa Melayu di dalam bilik darjah.

Didik hibur membawa maksud berlaku proses PdPc yang mendidik sambil menghibur tetapi masih terikat dengan objektif pengajaran yang hendak dicapai. Oleh itu, pendekatan didik hibur ialah pendekatan pengajaran oleh guru yang begitu bersahaja dan menyeronokkan dengan menekankan aktiviti bercerita, berpuisi berlakon dan bernyanyi. Murid-murid berasa seronok dan terhibur apabila guru merancang secara sistematik dan menggunakan mana-mana aktiviti yang dinyatakan (Modul Kursus Peningkatan Profesional Guru Bahasa Malaysia, 2015). Murid tidak tertekan dengan cara pengajaran guru yang lebih bersifat mesra murid yang membimbing dan memberikan tunjuk ajar sebagai seorang fasilitator atau pemudah cara. Murid diberikan kebebasan untuk menjalankan aktiviti yang dirancang dalam keadaan terkawal supaya objektif pengajaran dapat dicapai.

Dalam modul terbitan Kementerian Pendidikan Malaysia iaitu Modul Kursus Peningkatan Profesional Guru Bahasa Malaysia (2015) telah memberikan penerangan tentang ciri-ciri pendekatan didik hibur yang membawa kepada kebaikan untuk murid sekolah rendah, antaranya ialah sesi pengajaran yang sangat seronok kerana mengandungi elemen lakonan, nyanyian, permainan muzik, estetik, kecindan, kelakar dan sebagainya. Perasaan positif terhadap Bahasa Melayu akan sentiasa ada di dalam diri setiap murid kerana mereka tidak lagi berasa bimbang atau takut terhadap guru yang mengajar. Murid-murid juga berasa teruja untuk belajar dalam sesi-sesi yang berikutnya. Selain itu, guru perlu mempelbagaikan pengajaran untuk menarik minat murid seperti bernyanyi, bercerita, berlakon dan berpuisi dengan penggunaan teknologi maklumat seperti komputer. Bahan bantu mengajar (BBM) yang sesuai perlu digunakan supaya murid melibatkan diri secara aktif semasa PdPc dan murid mendapat manfaat daripada pengajaran guru.

Objektif yang dirancang semasa pengajaran guru mestilah cenderung kepada pelbagai cara penyelesaian masalah dan tidak ada murid yang kalah atau menang, tidak ada hukuman atau ganjaran dalam sesuatu aktiviti yang dijalankan. Seramai mungkin murid perlu dilibatkan dalam semua aktiviti yang dirancang oleh guru seperti dalam bentuk kumpulan atau berpasangan bagi mewujudkan kerjasama atau kerja berpasukan antara ahli kumpulan. Di samping itu juga, murid diberikan kebebasan bersuara untuk memberikan pandangan atau cadangan serta bebas bergerak untuk menjayakan sesuatu aktiviti tetapi masih dalam keadaan terkawal supaya objektif pengajaran yang dirancang dapat dicapai dengan sepenuhnya. Akhir sekali, penggunaan komunikasi dalam pendekatan didik hibur seperti bahasa tubuh, iaitu melibatkan mimik muka, suara atau gerak anggota badan sangat penting untuk menarik perhatian murid dalam

proses PdPc yang santai dan berhibur (*Modul Kursus Peningkatan Profesional Guru Bahasa Malaysia*, 2015).

Sebagai individu yang penting semasa pengajaran dan orang yang berhubung secara langsung dengan murid sepatutnya bertanggungjawab dalam meningkatkan mutu penguasaan Bahasa Melayu kerana pengajaran yang berkualiti sudah pastinya akan meningkatkan prestasi akademik murid-murid. Perkara ini disokong oleh Azura Mohd Nor dan Sabariah Sharif (2014), guru-guru perlu menyedari tanggungjawab mereka untuk memastikan murid menguasai kemahiran yang bermakna dan menimba ilmu pengetahuan supaya boleh diaplikasikan dalam kehidupan harian serta secara tidak langsung untuk mendapatkan keputusan yang cemerlang dalam penilaian. Para guru perlu bijak mempelbagaikan pendekatan pengajaran bagi meningkatkan pemahaman murid dan mewujudkan suasana pengajaran yang lebih bermakna dan seronok kerana tanggungjawab guru adalah untuk melahirkan murid yang berilmu pengetahuan (Zamri Mahamod & Nur Aisyah Mohd Noor, 2011).

Dalam Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK-21), pendekatan didik hibur ini sangat bertepatan untuk diaplikasikan dalam PdPc Bahasa Melayu kerana guru perlu menyampaikan ilmu secara langsung kepada murid di dalam bilik darjah dan murid perlu terlibat dengan aktif sesama PdPc dijalankan. Pendekatan berpusatkan murid dapat memudahkan pengajaran sesuatu ilmu pengetahuan yang hendak disampaikan. Pengajaran guru yang bersifat santai dan ceria tetapi masih berpandukan objektif pengajaran pasti boleh meningkatkan keinginan murid dalam pembelajaran subjek Bahasa Melayu (Mazlan Ismail, 2016). PAK-21 juga perlu berlangsung dengan pengajaran guru yang bersifat aktif dengan melibatkan murid secara langsung. Dengan adanya pelaksanaan pendekatan didik hibur, pengajaran guru memastikan murid terlibat secara aktif dalam proses PdPc Bahasa Melayu sama ada melalui teknik nyanyian, bercerita, lakonan atau puisi.

Selain itu, pengajaran guru yang berpusatkan murid akan menjadikan murid lebih berminat semasa mengikuti PdPc Bahasa Melayu kerana mereka terlibat dengan aktif bersama murid yang lain. Guru berupaya menghilangkan rasa bosan dan takut murid semasa proses pengajaran mata pelajaran Bahasa Melayu. Guru hanya menjadi pemudah cara, penilai, pengurus atau fasilitator sahaja semasa proses pengajaran untuk menolong murid memperoleh ilmu pengetahuan dengan penglibatan yang aktif dalam proses pengajaran guru. Guru juga perlu membuat perancangan awal dan mengambil kira latar belakang pengetahuan murid supaya PdPc lebih menarik, interaktif dan menyeronokkan. Dengan itu, murid dapat menguasai pengajaran guru dengan berkesan dan akhirnya membawa kepada pencapaian akademik Bahasa Melayu yang lebih baik (Zamri Mahamod, 2012).

Pengajaran guru Bahasa Melayu yang sama dan rutin sudah pasti akan menjadikan pembelajaran murid di dalam kelas kaku dan membosankan. Selain itu, sikap guru yang tegas, menakutkan dan garang akan menurunkan tahap motivasi murid untuk belajar Bahasa Melayu. Oleh itu, perasaan tidak minat untuk belajar bahasa ini semakin meningkatkan walaupun menyedari kepentingannya dalam kehidupan mereka nanti tidak kira semasa sedang belajar atau memasuki alam pekerjaan. Guru

bertanggungjawab memastikan murid berminat untuk mempelajari Bahasa Melayu menggunakan pengajaran lebih menarik, santai dan seronok melalui pendekatan didik hibur.

Latar belakang ini membuktikan bahawa pendekatan didik hibur adalah sangat penting untuk dipraktikkan semasa pengajaran subjek Bahasa Melayu terutamanya di sekolah rendah kerana murid amat memerlukan pengajaran yang menyeronokkan dan santai untuk mempelajari dan menguasai Bahasa Melayu. Murid tentu dapat belajar Bahasa Melayu dengan lebih selesa dan berkesan jika guru menggunakan pendekatan yang sesuai iaitu pendekatan didik hibur dalam PdPc Bahasa Melayu.

1.3 Pernyataan Masalah

Pendekatan pengajaran guru membosankan dan bersifat tradisional, iaitu murid dikehendaki menerima keseluruhan maklumat atau input yang disampaikan oleh guru secara pasif tanpa perlu memproses maklumat tersebut supaya menjadi lebih bermakna dalam kehidupan harian mereka. Hal ini telah dibuktikan oleh Akademik Kepimpinan Pengajian Tinggi (AKEPT), di bawah Kementerian Pengajian Tinggi dengan melakukan kajian kualitatif pada tahun 2011. Kajian ini mendapati sebanyak hanya 12% sahaja guru menggunakan standard pengajaran yang agak tinggi untuk mengajar di dalam kelas. Hasil kajian di 41 buah sekolah yang terdapat di Malaysia mendapati bahawa 50% daripada 125 waktu pengajaran guru masih menggunakan pengajaran berbentuk syarahan yang kaku, tidak melibatkan murid sepenuhnya dan membosankan. Hal ini telah menyebabkan murid hilang tumpuan dan minat untuk belajar (*Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 - 2025*, 2012).

Pengetahuan guru tentang konsep pendekatan pengajaran yang sesuai digunakan semasa PdPc masih lagi berbentuk tradisional dengan interaksi satu hala, iaitu pengajaran yang berpusatkan guru semata-mata. Murid hanya duduk di tempat mereka tanpa perlu bergerak, sebaliknya hanya mendengar dan menerima segala pengajaran dan ilmu pengetahuan yang dicurahkan. Guru sangat gemar untuk mengajar secara terus semasa PdPc kerana dapat menyampaikan isi pengajaran atau maklumat kepada murid dengan cepat dan banyak (Kon Chon Min, 2014). Begitu juga dengan dapatan daripada kajian Zamri Mahamod dan Nor Razah Lim (2011) yang mengatakan terdapat ramai tenaga pengajar lebih gemar mempraktikkan pengajaran berbentuk syarahan sahaja untuk menyampaikan maklumat tanpa merangsang pemikiran dan penglibatan murid dalam proses PdPc. Guru tidak lagi sesuai menggunakan pengajaran berpusatkan guru dengan mencurahkan segala ilmu secara bulat-bulat kepada murid yang diajar, sebaliknya mereka perlu melibatkan murid secara langsung dalam pengajaran untuk membolehkan ilmu pengetahuan yang ingin diajar dapat diperolehi dan diproses oleh otak murid melalui gabungan pengalaman sedia ada dan pengalaman baharu yang sedang dipelajari.

Pengetahuan guru tentang ciri pendekatan pengajaran juga dilihat mempunyai masalah kerana guru mengamalkan proses pengajaran sehala menyebabkan murid tidak berpeluang memberikan pendapat, idea dan pandangan masing-masing. Mereka

terpaksa menerima segala pengajaran guru tanpa sebarang maklum balas (Shaffe Mohd Daud et al., 2011). Pendekatan pengajaran yang tidak berjaya menarik minat murid semasa proses pengajaran mengakibatkan murid berasa tertekan dan tidak dapat menumpukan perhatian terhadap pengajaran guru. Murid akan menimbulkan pelbagai masalah disiplin yang boleh mengganggu pengajaran guru pada masa tersebut seperti membuat bising, mengganggu rakan-rakan yang lain, tidak mahu menghantar kerja sekolah yang diberikan oleh guru atau tidak mahu memasuki kelas (Alis Puteh, 2016). Murid-murid perlu dilibatkan bersama secara langsung semasa aktiviti pengajaran yang dijalankan, manakala guru perlulah membantu murid dengan menjadi fasilitator dan pemudah cara yang memberikan arahan dengan jelas dan menegur murid jika terdapat kesilapan yang dilakukan.

Pengetahuan tentang penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) juga didapati guru masih lagi menggunakan buku teks dan papan tulis untuk menyampaikan pengajaran di dalam bilik darjah. Sekiranya guru hanya menggunakan bahan-bahan ini, murid tidak bermotivasi dan hilang minat untuk belajar terutama mata pelajaran Bahasa Melayu yang akan menjemukan. Didapati kebanyakan guru yang mengajar Bahasa Melayu masih bergantung kepada buku teks, bahan nota dan menulis pada papan putih di dalam bilik darjah sahaja dengan menggunakan pendekatan pengajaran yang lama (Rozita Radhiah, Abdul Rasid Jamian & Azhar Md Sabil, 2016).

Pengetahuan guru dari aspek pelaksanaan pendekatan pengajaran yang tidak kreatif, berbentuk sehalu telah mengakibatkan pengajaran guru menjadi tidak menarik dan menjemukan para murid kerana penggunaan teknik yang tidak pelbagai. Guru hanya menggunakan cara hafalan fakta sahaja (Mohd Paris Saleh, 2014). Penggunaan hafalan fakta hanya memberikan kesan atau ingatan dalam tempoh masa yang pendek sahaja. Selepas itu, murid akan melupai apa yang telah dipelajari kerana hanya menghafal sahaja pengajaran yang disampaikan oleh guru. Guru boleh melaksanakan proses pengajaran dengan menggunakan pelbagai teknik seperti yang terdapat dalam pendekatan didik hibur, iaitu teknik nyanyian, teknik bercerita, teknik lakonan dan teknik berpuisi.

Konstruk sikap guru dari aspek afektif dapat dilihat dengan jelas apabila guru-guru lebih selesa untuk meneruskan pendekatan pengajaran yang lama (Rozita Radhiah, Abdul Rasid Jamian & Azhar Md Sabil, 2016). Mereka tidak mahu menggunakan pendekatan inovasi yang diperkenalkan oleh KPM menyebabkan pengajaran menjadi kurang menarik dan membosankan murid. Penggunaan pendekatan baru akan menyebabkan beban tugas mereka bertambah dan mengambil masa yang lama kerana mereka perlu belajar sesuatu yang baru untuk dilaksanakan semasa pengajaran.

Seterusnya untuk aspek tingkah laku, guru-guru tidak berminat untuk menggunakan pendekatan baru kerana tidak mempunyai tahap pengetahuan yang mencukupi serta kurangnya keyakinan terhadap pendekatan baharu tersebut. Mereka mempunyai tingkah laku yang tidak begitu yakin untuk mengajar dengan berkesan, berasa takut serta bersikap negatif untuk melakukan perubahan pendekatan pengajaran yang baharu (Rozita Radhiah, Abdul Rasid Jamian & Azhar Md Sabil, 2016). Selain itu, guru yang mengajar dengan sikap yang tidak yakin, mudah bersikap garang atau terlalu tegas

semasa proses PdPc akan menjadikan pengajaran tidak menarik serta menakutkan. Hal ini akan menimbulkan rasa takut dan bimbang dalam kalangan murid semasa mengikuti pengajaran guru dan akan memberikan kesan kepada pencapaian akademik mereka (Shaffe Mohd Daud et al., 2011). Pengajaran begini akan menyebabkan murid tidak berani untuk mengemukakan soalan atau memberikan pendapat semasa guru sedang mengajar, akibatnya murid akan kerugian kerana tidak dapat menguasai pengajaran yang hendak disampaikan oleh guru.

Akhir sekali, sikap guru dari aspek kognitif ialah tidak mempunyai keyakinan bahawa sesuatu perubahan pendekatan pengajaran dapat memberikan impak yang besar kepada pengajarannya. Oleh itu, guru akan mengambil jalan mudah, iaitu dengan terus menggunakan pendekatan pengajaran yang sudah menjadi kebiasaannya (Rozita Radhiah, Abdul Rasid Jamian & Azhar Md Sabil, 2016). Guru sudah biasa dengan penggunaan pendekatan yang lama untuk mengawal keadaan kelas supaya semua murid mendengar segala arahan dan pengajaran yang disampaikan. Pemikiran dan pandangan yang sebegini telah mengakibatkan pendekatan pengajaran yang baharu diperkenalkan tidak akan berjaya dilaksanakan.

Kajian tentang pendekatan didik hibur kurang lagi dikaji oleh para pengkaji terdahulu. Oleh itu, menjadi satu keperluan untuk penyelidik mengkaji pendekatan didik hibur untuk melihat tahap pengetahuan dan sikap guru Bahasa Melayu di sekolah di daerah Hulu Langat. Oleh itu, dapatan kajian ini sangat penting sebagai nilai tambah dalam pendidikan Bahasa Melayu terutamanya di daerah Hulu Langat. Selain itu, kajian ini juga relevan dan sangat diperlukan untuk melihat keberkesanan pendekatan didik hibur sebagai salah satu pendekatan pengajaran yang diberi perhatian oleh KPM dalam PPPM 2013 – 2025.

Kesimpulannya, penyelidik menjalankan kajian ini untuk melihat sejauh manakah tahap pengetahuan dan sikap guru Bahasa Melayu terhadap pendekatan didik hibur yang dilaksanakan semasa proses PdPc Bahasa Melayu di sekolah rendah daerah Hulu Langat. Hasil dapatan boleh digunakan untuk melihat sejauh mana tahap pengetahuan dan sikap guru terhadap pendekatan didik hibur terhadap pengajaran mata pelajaran Bahasa Melayu yang telah mula dilaksanakan sejak tahun 2011 bermula dari darjah 1.

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan bertujuan bagi mendapatkan maklumat tahap pengetahuan dan sikap guru terhadap pendekatan didik hibur dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Objektif khusus kajian ini pula adalah untuk:

1. Mengenal pasti tahap pengetahuan guru Bahasa Melayu terhadap pelaksanaan pendekatan didik hibur dalam pengajaran Bahasa Melayu.
2. Mengenal pasti sikap guru Bahasa Melayu terhadap pendekatan didik hibur dalam pengajaran Bahasa Melayu dari segi afektif.
3. Mengenal pasti sikap guru bahasa Melayu terhadap pendekatan didik hibur dalam pengajaran bahasa Melayu dari segi kognitif.

4. Mengenal pasti sikap guru bahasa Melayu terhadap pendekatan didik hibur dalam pengajaran bahasa Melayu dari segi tingkah laku.
5. Mengenal pasti perbezaan signifikan tahap pengetahuan dan sikap guru Bahasa Melayu terhadap pendekatan didik hibur berdasarkan opsyen, pengalaman dan jenis sekolah.

1.5 Persoalan Kajian

Antara soalan kajian yang diutarakan bagi menjawab objektif kajian, ialah:

1. Apakah tahap pengetahuan guru Bahasa Melayu terhadap pelaksanaan pendekatan didik hibur dalam pengajaran Bahasa Melayu?
2. Apakah sikap guru Bahasa Melayu terhadap pendekatan didik hibur dalam pengajaran Bahasa Melayu dari segi afektif?
3. Apakah sikap guru Bahasa Melayu terhadap pendekatan didik hibur dalam pengajaran Bahasa Melayu dari segi kognitif?
4. Apakah sikap guru Bahasa Melayu terhadap pendekatan didik hibur dalam pengajaran Bahasa Melayu dari segi tingkah laku?

1.6 Hipotesis Kajian

Penyelidik telah mengemukakan 6 hipotesis kajian untuk menjawab objektif kajian kelima. Hipotesis-hipotesis tersebut adalah seperti berikut:

1. H_01 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap pengetahuan guru terhadap pendekatan didik hibur berdasarkan opsyen.
2. H_02 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara sikap guru terhadap pendekatan didik hibur berdasarkan opsyen.
3. H_03 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap pengetahuan guru terhadap pendekatan didik hibur berdasarkan pengalaman.
4. H_03 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap pengetahuan guru terhadap pendekatan didik hibur berdasarkan jenis sekolah.
5. H_05 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara sikap guru terhadap pendekatan didik hibur berdasarkan pengalaman.
6. H_06 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara sikap guru terhadap pendekatan didik hibur berdasarkan jenis sekolah.

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini dilakukan supaya pihak yang mempunyai kepentingan dalam sektor pendidikan di Malaysia seperti Kementerian Pendidikan Malaysia, guru, pentadbiran sekolah dan murid mendapat maklumat yang berguna dalam pendekatan didik hibur yang telah dilaksanakan dalam mata pelajaran Bahasa Melayu di sekolah rendah.

Penyelidik berusaha menjalankan kajian ini untuk mengkaji dan melihat sejauh mana tahap pengetahuan dan sikap guru terhadap pendekatan didik hibur semasa menjalankan PdPc mata pelajaran Bahasa Melayu di daerah Hulu Langat. Kajian ini ingin dijalankan kerana penyelidik menyedari tidak banyak tentang kajian pendekatan ini yang telah dilakukan bagi mengetahui tahap pengetahuan dan sikap guru yang mengajar subjek Bahasa Melayu dengan pendekatan didik hibur ini semasa proses PdPc dijalankan.

Penyelidik berharap dapatan kajian ini nanti boleh menyumbangkan informasi penting dan berfaedah kepada KPM melalui Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) untuk mengetahui setakat mana tahap pengetahuan yang dimiliki serta sikap yang ada pada setiap guru di sekolah rendah di daerah Hulu Langat tentang pendekatan didik hibur yang digunakan dalam pengajaran. Dengan itu, BPK dapat merangka kursus, latihan atau modul untuk menambahkan pengetahuan pendekatan didik hibur guru Bahasa Melayu dan juga mengubah sikap guru menjadi lebih positif dalam penggunaan pendekatan ini. Penyelidik berharap agar guru Bahasa Melayu dapat menggunakan pendekatan didik hibur dengan sepenuhnya semasa pengajaran mereka di semua sekolah tidak kira di sekolah rendah kebangsaan, sekolah rendah jenis kebangsaan Tamil atau sekolah rendah jenis kebangsaan Cina bagi meningkatkan pemahaman dan pencapaian anak didik masing-masing.

Selain itu, jabatan pendidikan negeri dan jabatan pendidikan daerah perlu memastikan hanya guru yang beropsyen Bahasa Melayu untuk menjadi pengajar subjek Bahasa Melayu di sekolah agar transformasi pendidikan yang dihasratkan dapat direalisasikan dengan jayanya. Guru yang memiliki opsyen Bahasa Melayu mempunyai kelebihan dari segi pengetahuan pedagogi dan kandungan Bahasa Melayu untuk diajar kepada murid di sekolah seperti yang disarankan oleh Shulman (1987). Guru yang kurang pengetahuan dalam pelaksanaan pendekatan didik hibur ini perlu diberikan kursus atau latihan dalam sesuatu tempoh untuk meningkatkan pengetahuan masing-masing terhadap pelaksanaan pendekatan didik hibur agar berjaya menarik minat murid untuk belajar dan mendalami bahasa ini.

Guru juga akan mendapat maklumat hasil daripada kajian ini kerana mereka dapat mengetahui pelaksanaan pendekatan didik hibur sangat penting semasa pengajaran guru di dalam kelas. Tahap pengetahuan dan sikap yang positif yang pengajaran perlu dimiliki oleh para guru yang mengajar Bahasa Melayu dalam pelaksanaan pendekatan didik hibur di sekolah. Guru yang tidak mempunyai opsyen Bahasa Melayu perlu menambahkan ilmu pengetahuan mereka tentang pendekatan didik hibur serta menggunakannya semasa menjalankan sesi pengajaran dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Teknik pengajaran guru Bahasa Melayu perlu diperbaiki berdasarkan penguasaan dan latar belakang murid supaya pelajaran yang disampaikan dapat diterima, difahami dan diikuti oleh murid dengan perasaan yang seronok.

Seterusnya, hasil kajian ini dapat memberikan input kepada bakal penyelidik yang ingin menjalankan kajian tentang pendekatan didik hibur. Bakal penyelidik boleh menjadikan dapatan kajian sebagai rujukan dalam kajian mereka. Mereka dapat menggunakan idea, maklumat, data dan dapatan yang telah diperolehi supaya dapat

membuat penambahbaikan serta meluaskan skop pengetahuan dalam kajian mereka tentang pendekatan didik hibur. Selain itu, diharapkan penyelidik yang akan datang dapat meneruskan kajian tentang pendekatan didik hibur ini dalam aspek atau sudut yang lain, subjek kajian yang berlainan serta mata pelajaran yang lain. Tanpa kajian terdahulu, maka amat sukarlah penyelidik-penyelidik akan datang melakukan kajian kerana tidak mempunyai sumber rujukan sebagai panduan untuk meneruskan penyelidikan mereka.

1.8 Skop Kajian

Kajian yang dijalankan ini telah dibataskan kepada lokasi di daerah Hulu Langat, Selangor kerana di daerah ini terdapat ketiga-tiga jenis sekolah, iaitu sekolah kebangsaan, sekolah jenis kebangsaan Cina dan sekolah jenis kebangsaan Tamil yang ingin dikaji untuk menjawab objektif kajian ketiga, iaitu mengenal pasti terdapat atau tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap pengetahuan dan sikap guru terhadap pendekatan didik hibur dalam pengajaran Bahasa Melayu berdasarkan jenis sekolah. Selain itu, sampel kajian yang digunakan dihadkan kepada guru sekolah rendah yang mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu sahaja dan tidak mengkaji mata pelajaran yang lain. Dapatan ini akan dianalisis untuk mengeneralisasikan tahap pengetahuan dan sikap guru Bahasa Melayu terhadap pendekatan didik hibur dalam pengajaran Bahasa Melayu. Responden kajian ini hanya dihadkan kepada 327 orang guru, sebagai sampel kajian daripada keseluruhan populasi 1,644 orang guru sekolah rendah yang mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu di daerah Hulu Langat. Jumlah sampel kajian ini diperolehi dengan menggunakan pensampelan rawak berlapis bernisbah daripada populasi guru di tiga jenis buah sekolah. Pemilihan sampel secara pensampelan rawak berlapis bernisbah kerana ketidakseragaman bilangan responden di antara guru di tiga jenis sekolah, iaitu sekolah kebangsaan, sekolah jenis kebangsaan Cina dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil di daerah Hulu Langat. Bersesuaian dengan pendapat Mohd. Majid (2009) yang menerangkan bahawa pensampelan rawak berlapis bernisbah ini amat sesuai digunakan apabila wujudnya ketidakseragaman populasi di lokasi kajian. Sampel yang dipilih mempunyai peluang yang sama rata dalam populasi dengan menggunakan pensampelan rawak berlapis bernisbah (Ivy, 2012). Oleh itu, untuk mengurangkan ralat pensampelan dalam populasi yang sangat tidak seimbang, pensampelan rawak berlapis bernisbah telah digunakan dalam kajian ini. Penyelidik hanya memilih guru Bahasa Melayu sebagai responden dalam kajian ini kerana penyelidik ingin mengkaji pendekatan didik hibur yang dilaksanakan semasa PdPc Bahasa Melayu dan penyelidik mengabaikan subjek selain daripada Bahasa Melayu.

Penyelidik telah mengubahsuai beberapa kajian yang berkaitan bagi menghasilkan soal selidik untuk dijawab guru sekolah rendah yang mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu di daerah Hulu Langat yang berbentuk aneka pilihan 5 pilihan skala Likert. Oleh itu, hasil daripada kajian ini merupakan kesungguhan dan kejujuran yang ditunjukkan oleh responden ketika memahami dan memilih jawapan bagi setiap soalan tersebut berdasarkan persepsi mereka dan memberikan respons terhadap pernyataan yang disoal dalam instrument kajian ini. Semua responden diharapkan akan meneliti dan memilih jawapan soal selidik ini dengan penuh ikhlas dan jujur serta tidak menerima apa-apa tekanan dan gangguan yang menyebabkan jawapan yang diberikan adalah tidak tepat.

Proses pengajaran dalam kajian ini dihadkan kepada pelaksanaan pendekatan didik hibur di sekolah rendah oleh guru Bahasa Melayu sahaja. Pendekatan pengajaran lain yang dilaksanakan tidak disentuh semasa kajian ini. Begitu juga mata pelajaran yang lain, penyelidik hanya menumpukan kajian kepada subjek Bahasa Melayu sahaja. Penyelidik hanya ingin melihat tentang pendekatan didik hibur oleh guru Bahasa Melayu dalam aspek tahap pengetahuan dan sikap mereka semasa pengajaran Bahasa Melayu.

Tahap pengetahuan guru Bahasa Melayu terhad kepada pengetahuan mereka tentang pendekatan didik hibur semasa mengajar subjek Bahasa Melayu sahaja dan tidak melibatkan pengetahuan tentang pendekatan pengajaran yang lain atau pun subjek lain. Pelaksanaan pendekatan didik hibur yang dikaji hanya tertumpu pada pengajaran guru dalam subjek Bahasa Melayu sahaja. Penyelidik ingin menilai sikap guru dalam pendekatan didik hibur semasa mengajar di dalam bilik darjah sahaja.

Penyelidik telah memilih Teori Pengetahuan Shulman untuk mengenal pasti tahap pengetahuan guru terhadap pendekatan didik hibur kerana teori ini menerangkan tentang pemilihan penggunaan pedagogi yang betul semasa menjalankan PdPc di dalam bilik darjah. Manakala untuk mengenal pasti sikap guru terhadap pendekatan didik hibur, penyelidik telah memilih Model Sikap ABC kerana model ini menerangkan tentang tiga aspek sikap guru (afektif, tingkah laku dan kognitif) yang menjadi objektif utama dalam penyelidikan ini.

1.9 Definisi Operasional

1.9.1 Pendekatan Didik Hibur

Didik hibur ialah pendekatan pengajaran semasa PdPc yang menghiburkan dan santai kerana menekankan kepada empat komponen asasnya, iaitu bernyanyi, bercerita, berlakon serta berpuisi di samping beberapa aktiviti lain yang boleh menyokong dan menguatkan lagi pendekatan didik hibur yang dijalankan. Murid-murid akan dapat belajar dengan perasaan yang seronok dan girang tetapi masih terikat dengan peraturan untuk mencapai objektif pembelajaran Bahasa Melayu. Teknik-teknik yang boleh digunakan dalam pendekatan didik hibur ini adalah seperti bernyanyi, bercerita, berlakon dan berpuisi yang boleh dipelbagaikan mengikut kesesuaian dan kemampuan murid bagi memastikan murid memahami dan menerima kandungan pelajaran yang disampaikan oleh guru dengan seronok dan santai (*Modul Kursus Peningkatan Profesional Guru Bahasa Malaysia*, 2015).

Didik hibur boleh dikaitkan dengan humor kerana kedua-dua mementingkan keseronokan melalui unsur-unsur kecindan untuk menarik minat serta motivasi murid untuk terus mengikut sesuatu mata pelajaran yang diikuti (Mazlan Ismail, 2016). Murid yang terdorong dengan perasaan yang gembira dan seronok akan terus menumpukan perhatian semasa guru menyampaikan pengajaran di dalam kelas. Murid pastinya

memahami pengajaran dengan lebih cepat dan rela hati kerana mereka sudah tertarik dengan pengajaran yang digunakan oleh guru.

Selain itu, murid dapat belajar dengan aktif semasa PdPc kerana dapat melibatkan diri secara langsung dalam aktiviti pembelajaran secara berpasangan atau berkumpulan dengan teknik yang digunakan oleh guru. Murid dapat mengembangkan idea dan pandangan mereka tentang sesuatu perkara yang hendak disampaikan oleh guru mereka kerana mereka mempunyai kebebasan untuk bergerak dan bersuara.

1.9.2 Guru Bahasa Melayu

Guru Bahasa Melayu bermaksud seseorang guru yang diarahkan oleh pihak pentadbiran untuk menyampaikan subjek Bahasa Melayu kepada murid-murid di kelas. Dalam kajian ini, guru Bahasa Melayu ialah guru yang diarahkan menyampaikan subjek Bahasa Melayu di kelas yang telah ditetapkan oleh pihak pentadbir sama ada di sekolah rendah kebangsaan, sekolah rendah jenis kebangsaan Tamil dan sekolah rendah jenis kebangsaan Cina di daerah Hulu Langat sahaja. Guru tersebut merupakan tenaga pengajar yang mempunyai opsyen untuk mengajar Bahasa Melayu dan sebahagiannya bukan opsyen Bahasa Melayu tetapi dilantik sebagai guru Bahasa Melayu bagi menyampaikan subjek Bahasa Melayu oleh pihak pentadbiran sekolah ekoran daripada kekurangan guru yang mempunyai opsyen Bahasa Melayu.

1.9.3 Pengajaran Guru

Pengajaran ialah satu proses guru untuk menyampaikan ilmu pengetahuan, kemahiran, sikap dan nilai kepada para muridnya dengan memenuhi keperluan psikologi mereka. Pengajaran bermakna perihal mengajar, segala sesuatu yang berkaitan dengan mengajar seperti cara atau sistem mengajar, aspek yang dipentingkan dan lain-lain (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010). Pengajaran yang pelbagai yang digunakan oleh guru pastinya meningkatkan minat dan tumpuan murid bagi meneruskan proses pembelajaran yang berlangsung di dalam dan di luar bilik darjah.

Pengajaran guru ini sangat penting kerana merupakan proses untuk menyampaikan pengetahuan dan kemahiran kepada murid-murid agar mereka mengalami perubahan dalam proses pembelajaran dan menepati hasrat dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang ingin melahirkan manusia yang seimbang dan harmonis dari pelbagai aspek seperti intelek, rohani, emosi, jasmani serta sosial mengikut kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Dalam kajian yang dijalankan, pengajaran guru melibatkan pelaksanaan pendekatan didik hibur melalui teknik bernyanyi, berlakon, bercerita dan berpuisi dengan tujuan bagi menjadikan murid lebih berminat untuk belajar secara santai dan terhibur serta seterusnya menguasai Bahasa Melayu menjadi tumpuan utama dalam kajian ini.

1.9.4 Pengetahuan Guru

Pengetahuan guru merupakan pengalaman masa lampau dan pengalaman yang baharu yang diperoleh sendiri atau diketahui daripada sumber lain untuk mencapai sesuatu matlamat yang baharu. Guru perlu memiliki pengetahuan dalam pelaksanaan sesuatu pendekatan pengajaran dengan memilih pelbagai pendekatan, strategi, aktiviti dan teknik yang sesuai supaya PdPc dapat dilaksanakan dengan menarik, sistematik dan menyeronokkan serta murid mudah memahami isi kandungan pelajaran. Guru perlu melaksanakan strategi yang berpusatkan murid di dalam bilik darjah agar mereka terlibat secara langsung dan belajar dengan gembira dan bermakna (Azani Ismail, Azman Che Mat, & Mat Taib Pa, 2012).

Tahap pengetahuan yang dimiliki oleh guru sangat penting untuk membantu murid memperoleh pengetahuan atau pemahaman asas yang baharu berdasarkan kepada pengalaman sedia ada mereka untuk digunakan dalam kehidupan seharian. Pengetahuan guru bermaksud penguasaan dalam pengetahuan pedagogi dan pengetahuan isi kandungan (PPK) sesuatu subjek yang diajar (Shulman, 1987). Berdasarkan kajian ini, pengetahuan menjuruskan kepada pengetahuan tentang pendekatan didik hibur oleh guru Bahasa Melayu yang digunakan semasa proses PdPc untuk menarik minat murid supaya dapat belajar secara santai dan seronok.

Menurut Yahya Buntat & Lailinanita Ahamad (2012), guru perlu meningkatkan ilmu pengetahuan dan teknologi supaya dapat pelbagai menyelesaikan masalah dalam pengajaran kerana guru merupakan pemudah cara, pendorong pembelajaran, penyelesaian masalah dan fasilitator bagi murid di sekolah. Guru perlu menguasai ilmu pengetahuan untuk melatih murid menggunakan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT), menganalisis penemuan yang diperoleh dan menyelesaikan masalah dalam pelbagai situasi dalam kehidupan sebenar.

1.9.5 Sikap Guru

Sikap merupakan tingkah laku seseorang yang dikaitkan dengan kecenderungan mereka untuk suka atau tidak suka kepada sesuatu benda, peristiwa dan perkara. Sikap memberikan gambaran tentang perasaan terhadap sesuatu dengan menerima perkara itu ataupun menolaknya. Menurut Alice Eagly & Shelly Chaiken (1993), sikap merupakan satu kecenderungan psikologi yang menunjukkan sesuatu penilaian terhadap seseorang, objek, situasi, kejadian atau idea yang dihadapi sama ada menerima atau menolak perkara tersebut berdasarkan komponen afektif, tingkah laku dan kognitif. Dalam kajian ini, sikap bermaksud tingkah laku guru Bahasa Melayu sama ada menerima atau menolak pengajaran Bahasa Melayu yang menggunakan pendekatan didik hibur semasa sesi PdPc Bahasa Melayu di sekolah rendah. Jika guru tersebut bersikap menerima, maka beliau akan melaksanakan pendekatan didik hibur dengan jayanya dan membawa kebaikan kepada murid. Sebaliknya, jika seseorang guru bersikap menolak pelaksanaan pendekatan didik hibur dalam PdPc Bahasa Melayu, maka beliau tidak akan menggunakan pendekatan ini semasa mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu, sebaliknya mungkin menggunakan pendekatan tradisional yang hanya memberikan

syarahan dan ceramah kepada murid yang terpaksa menerima input-input tersebut secara pasif.

Sikap guru sangat penting dalam mempengaruhi penggunaan sesuatu pendekatan kerana jika guru bersikap negatif pada sebarang perubahan pendekatan dalam pendidikan, maka guru itu tidak akan menggunakan pendekatan yang terkini dalam proses pengajarannya di sekolah. Ini akan merugikan banyak pihak terutamanya murid yang dahagakan perubahan agak mereka dalam melibatkan diri secara langsung dalam mendapatkan pengetahuan untuk diri mereka. Dengan kekurangan pengetahuan yang tinggi, murid sukar untuk bersaing dengan orang lain apabila mereka meningkat dewasa nanti. Sebaliknya, jika sikap guru adalah positif terhadap sesuatu perubahan dalam pendidikan, maka murid pasti memperoleh manfaat kerana murid akan dapat menguasai pengetahuan secara cepat dan mudah semasa mempelajari mata pelajaran Bahasa Melayu.

1.10 Kesimpulan

Sebagai kesimpulannya, bab 1 sudah membincangkan mengenai latar belakang dalam kajian, pernyataan masalah yang dibincangkan, objektif dan persoalan kajian, kepentingan penyelidikan, skop dan batasan dalam kajian serta juga definisi operasional yang digunakan. Seterusnya bab 2 nanti, laporan tentang pendekatan didik hibur serta beberapa kajian yang telah dijalankan berkaitan dengannya akan dibincangkan oleh penyelidik.

RUJUKAN

- A. Rahman Haron, Jamaludin Badusah, & Zamri Mahamod. (2015). Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) Dalam Salak Didik dengan Elemen Nyanyian dan Elemen Pantun. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 5(Mei), 53–60.
- Ab. Halim Tamuri, & Mohamad Khairul Azman Ajuhary. (2010). Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Berkesan Berteraskan Konsep Mu'allim. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 2(1), 43–56.
- Abd Razak, Ahmad Zamri Khairani & Mohamad Zahir Ahmad @ Shaari. (2014). Kualiti Kehidupan Kerja Guru: Perbandingan Merentas Tiga Jenis Sekolah Rendah. *Sains Humanika*, 2:4(2014), 147-153.
- Abdul Rahman Abd Aziz. (2012). *Humor (Kecindan) dalam Pengajaran*. Pulau Pinang: BERU Publication.
- Abdul Rasid Jamian & Hasmah Ismail. (2013). Pelaksanaan Pembelajaran Menyeronokkan dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu (JPMB)*, 3(2), 49-63.
- Abdul Rasid Jamian, Nurul Nadiah Razali, & Shamsudin Othman. (2016). Pengaplikasian Teknik Didik Hibur Meningkatkan Pencapaian Penulisan Karangan Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 41(1), 39–45.
- Abdul Rasid Jamian, Shamsudin Othman, & Sufiza Ishak. (2013). Interaksi Lisan dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 3(Mei), 42–51.
- Adenan Ayob, & Khairuddin Mohamad. (2012). *Siri Pendidikan Guru: Kaedah Pengajaran Bahasa Melayu*. Shah Alam: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Adi Permana, Hilda Hilalayah & Siti Jubei. (2019). Penerapan Metode *Edutainment* dan *story telling* pada Guru-guru Taman Pendidikan Quran (TPQ) Natioul Quran. *Jurnal PKM: Pengabdian Kepada Masyarakat*, 2(3), 187-193.
- Adriani Halim & Andreas Soegandi. (2011). Penerapan Teori Motivasi Dalam Perancangan Aplikasi Edutainment. *ComTech: Computer, Mathematics and Engineering Applications*, Vol 2(2), 1215-1223.
- Ahmad Yunus Kasim, & Ab. Halim Tamuri. (2010). Pengetahuan Pedagogikal Kandungan (PPK) Pengajaran Akidah: Kajian Kes Guru Cemerlang Pendidikan Islam. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 2(2), 13–30.
- Alagesan Ambikapathy. (2012). *Sikap, Kemahiran dan Halangan dalam Penggunaan Teknologi dan Komunikasi bagi Pengajaran Bahasa Tamil di Sekolah Menengah di Selangor, Malaysia*. Tesis Master Sains, Universiti Putra Malaysia.
- Alice H. Eagly, & Shelly Chaiken. (1993). *The Psychology of Attitudes*. New York: Harcourt Brace Jovanopvich College Publisher.

- Alis Puteh. (2016). *Profesion Keguruan: Peranan Etika Kerja dalam Mendisiplinkan Pelajar*. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Ani Omar. (2012). Kesusasteraan dan Peranan Puisi dalam Kehidupan Kanak-kanak. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak*, 1(1), 87–121.
- Aniza Ahmad & Zamri Mahamod. (2015). Tahap Kemahiran Guru Bahasa Melayu Sekolah Menengah Dalam Melaksanakan Pentaksiran Berasaskan Sekolah Berdasarkan Jantina, Opsyen Dan Tempat Mengajar. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 5(1), 18-29.
- Azani Ismail, Azman Che Mat, & Mat Taib Pa. (2012). Membina Kemahiran Pertuturan Menerusi Aktiviti Lakonan dalam Pengajaran Bahasa Arab. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 12(1), 325–337.
- Azura Mohd Nor, & Sabariah Sharif. (2014). Penggunaan Bahan Visual di Kalangan Guru Teknikal. *Jurnal Pemikir Pendidikan*, 5, 79–98.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2013). *Kurikulum Standard Sekolah Rendah Bahasa Melayu Sekolah Jenis Kebangsaan (draf)*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Chew Fong Peng. (2016). Masalah Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Kalangan Murid Cina Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 6, 10–22.
- Chua Yan Piaw. (2012). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan: Asas Statistik Penyelidikan* (Buku 2). Kuala Lumpur: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Cohen, S. (1980). *Aftereffects of stress on human performance and social behavior: A review of research and theory*. *Psychological Bulletin*, 88(1), 82–108.
- Endang Pertiwi Saidy. (2012). *Hubungan Antara Kemahiran Emosi dan Spiritual dengan Prestasi Kefahaman Membaca Bahasa Melayu dalam Kalangan Murid Sekolah Menengah*. Tesis Master Sains, Universiti Putra Malaysia.
- Fatimah Ibrahim & Shahabuddin Hashim. (2015). Motivasi Pelajar dalam Pembelajaran Kesantunan Bahasa. *Jurnal Penyelidikan Dedikasi*, Jilid 9, 91-102.
- Hisyamuddin Abdul Razab, & Amir Hamzah Sharaai. (2012). Kaedah Nyanyian dalam Mengatasi Masalah Miskonsepsi dalam Kalangan Murid Tahun 3 dalam Topik Magnet. *Persidangan Kebangsaan Pembangunan Dan Pendidikan Lestari*, (September), 1–11.
- Idayati Abd Wahab. (2013). *Pengetahuan, Sikap dan Amalan dari Persepsi Guru dalam Pengajaran Kontekstual bagi Mata Pelajaran Prinsip Elektrik dan Elektronik di Sekolah Menengah Teknik Malaysia*. Tesis Master Sains, Universiti Putra Malaysia.
- Ivy Deirdre Mangkau. (2012). *Penguasaan Kemahiran Komunikasi Dalam Kalangan Pelajar Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)*. Prosiding Seminar Pendidikan Pasca Ijazah dalam PTV Kali Ke-2, 2012.

- Jack R. Fraeankel, Norman E. Wallen, & Helen H. Hyun. (2012). *How To Design and Evaluate Research in Education* (8th Editio). New York: McGraw-Hill.
- Julie Pallant. (2011). *SPSS Survival Manual: A step by step guide to data analysis SPSS* (Edisi ke-4). Crows Nest, Australia: Allen & Unwin.
- Kang Mu Hui, & Lim Hooi Lian. (2015). Pengetahuan dan Keprihatinan Guru-guru terhadap Pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR). *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 9, 22–31.
- Khuan Wai Bing, & Omar Abdull Kareem. (2005). *Pemikiran & Kreativiti: Aplikasi dalam Latihan dan Pembangunan*. Kajang: Aras Mega (M) Sdn. Bhd.
- Kon Chon Min. (2014). *Kefahaman dan Amalan terhadap Pendekatan Tematik daripada Perspektif Guru Kemahiran Hidup Bersepadu di Negeri Perak*. Tesis Master Sains, Universiti Putra Malaysia.
- Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 - 2025*. (2012). Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Lee S. Shulman. (1986). Those Who Understand: Knowledge Growth in Teaching. *Educational Researcher*, 15(2), 4–14.
- Lee S. Shulman. (1987). Knowledge and Teaching: Foundations of the New Form Reform. *Harvard Educational Review*, 57(1), 1–21.
- Liliy Salwani Razali. (2011). *Cerita Rakyat sebagai Medium Pendidikan kepada Kanak-kanak*. Tesis Master Sastera, Universiti Putra Malaysia.
- Lim Chong Hin. (2007). *Penyelidikan Pendidikan: Pendekatan Kuantitatif dan Kualitatif*. Shah Alam: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Low Suet Fin, Ahmad Subki Miskon, Rafidah Ruhani, Chong Yeat Eng, & Amiruddin Zainuddin. (2014). *Pengetahuan Guru Sekolah Rendah Agama Terhadap Standard Guru Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan Ilmu Pendidikan, IPG Kampus Ilmu Khas.
- Madiawati Mamat @ Mustaffa. (2013). *Estetika dalam Teks dan Multimedia Siri Unggas*. Tesis PhD, Universiti Putra Malaysia.
- Magdeline Anak Nor, & Zamri Mahamod. (2014). Pengetahuan Pedagogi Kandungan Guru Bahasa Iban yang Baharu dengan yang Berpengalaman di Sekolah-sekolah Menengah di Sarawak. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 11, 207–236.
- Malone, T.W. dan Lepper, M.R. (1987). Making Learning Fun: A Taxonomy of Intrinsic Motivations for Learning. Dalam Snow, R.E Dan Farr, M.J. (Eds), *Aptitude, Learning, and Instruction: III. Cognitive and Affective Process Analyses* (hal. 223-253). Hillsdale, NJ: Erlbaum.
- Mazlan Ismail. (2016). *Pengajaran Bahasa Melayu: Didik Hibur dan Seni Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Mihaela Banek Zorica. (2014). Edutainment at The Higher Education as an Element for The Learning Success. *Proceedings of EDULEARN14 Conference*, 4089 - 4097.
- Modul Kursus Peningkatan Profesional Guru Bahasa Malaysia*. (2015). Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Mohamad Safwandi Suaidi. (2017). Pengetahuan Pedagogi Isi Kandungan dalam Kalangan Guru Novis dan Guru Berpengalaman di Sekolah Rendah Daerah Hulu Langat. *Prosiding Seminar Pendidikan Serantau Ke-8*, 1–6.
- Mohd Khaidir Abul Wahab & Mohd Rashid Md. Idris. (2016). Interpretasi Guru Bahasa Melayu Terhadap Penerapan Elemen Falsafah Bahasa Untuk Penyatupaduan Nasional: Satu Kajian Analisis Keperluan. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 6, Bil. 1 (Mei), 1-15.
- Mohd Khairuddin Abdullah, & Halimah Laji. (2014). Kepemimpinan Pengajaran dan Sikap Guru Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 4, Bil. 1 (Mei), 48–58.
- Mohd Majid Konting. (2009). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Paris Saleh. (2016). *Model Pengajaran M-Pembelajaran Berasaskan Kaedah Inkuiri Mata Pelajaran Sejarah Peringkat Menengah*. Master Tesis, Universiti Malaya.
- Mohd Paris Saleh, & Saedah Siraj. (2016). Analisis Keperluan Pembangunan Model Pengajaran M-Pembelajaran Mata Pelajaran Sejarah Sekolah Menengah. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 4(4), 12–24.
- Mohd Razak Mohd Nordin, & Masitah Ahmad. (2015). Pendekatan Didik Hibur dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu: Tinjauan Terhadap Sikap dan Minat Murid Orang Asli di Negeri Perak. *Jurnal Penyelidikan Dedikasi*, 9, 77–90.
- Mohd Yusoff Dagang. (2016). *Amalan Kreativiti Pengajaran Guru Pendidikan Islam Di Sekolah-Sekolah Negeri Johor*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Nalan Aksakal. (2014). Theoretical View The Approach of The Edutainment. *Procedia Social and Behavioral Sciences*, 186 (2015), 1232 - 1239.
- Neil T. Millington. (2011). Using Songs Effectively to Teach English to Young Learners. *Language Education in Asia*, 2(1), 134–141.
- Nohaya Isa. (2015). *Pengetahuan, Kemahiran Pelaksanaan dan Sikap Guru Pendidikan Islam Sekolah Rendah Terhadap Pendekatan Didik Hibur*. Master Tesis, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Noorul Khairien Abdul Malek. (2014). *Penguasaan Leksikal Domain Tempatan dalam Kalangan Remaja*. Tesis Master Sastera, Universiti Putra Malaysia.

- Nor Hashimah Jalaluddin. (2010). Bahasa Melayu dan Jati Diri Dalam Konteks Satu Malaysia : Satu Kupasan Linguistik. *Jurnal Bahasa Jilid 10 (1)*. 1-16
- Noraini Idris. (2010). *Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Norlizah Mat Ali, & Fadzilah Abd Rahman. (2016). Sikap Guru Bahasa Melayu terhadap Pendekatan Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBM) dalam Pengajaran dan Pembelajaran di Daerah Petaling Perdana. *International Journal of Education and Training*, 2(2), 1–8.
- Normarini Norzan. (2016). *Pembelajaran Aktif dalam Program LINUS Bahasa Melayu*. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Malaya.
- Norul Haida Redzuan. (2011). *Unsur Jenaka Sebagai Perangsang Dalam Situasi Pembelajaran Bahasa Melayu Dalam Kalangan Pelajar Melayu di Universiti Pendidikan Sultan Idris*. Tesis PhD, Universiti Putra Malaysia.
- Pejabat Pendidikan Daerah Hulu Langat. (2017). *Panduan Pengurusan Pejabat Pendidikan Daerah Hulu Langat 2017*. Kajang: Pejabat Pendidikan Daerah Hulu Langat.
- Rahayu Mohamed Yusof. (2012). *Hubungan antara Pengetahuan Pengajaran dengan Efikasi Mengajar Bidang Makanan dan Pemakanan dalam Kalangan Guru Ekonomi Rumah Tangga*. Tesis Master Sains, Universiti Putra Malaysia.
- Ramlah Jantan, Nor Afni Resad & Siti Fathimah Az-Zahra Mohd. Fauzi. (2016). Aktiviti Didik Hibur Dalam Kalangan Guru Prasekolah Daerah Gombak. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak, Jilid 5*, 19-29.
- Reny Pantun. (2016). Penggunaan Teknik Nyanyian Dalam Meningkatkan Kefahaman Murid Tahun Dua Dalam Topik Pembundaran. *Proceedings of the ICECRS, I(October)*, 1–11.
- Rosenberg, M.J. and Hovland, C.I. (1960). *Attitude Organization and Change: An Analysis of Consistency among Attitude Components*, New Haven: Yale University Press.
- Rosnah Ishak, Muhammad Faizal A. Ghani & Saedah Siraj. (2013). Amalan Pembelajaran dalam Kalangan Guru Sekolah Berprestasi Tinggi. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*. 1(2), 52-60.
- Rozita Radhiah Said. (2012). *Penyampaian Lisan dalam Pengajaran Karangan Guru Cemerlang Bahasa Melayu untuk Murid-murid Tingkatan Empat*. Tesis PhD, Universiti Putra Malaysia.
- Rozita Radhiah Said, Abdul Rasid Jamian, & Azhar Md. Sabil. (2016). Pengetahuan dan Kefahaman Skop Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Kalangan Jurulatih Pakar Pembangunan Sekolah (SISC+). *International Journal of Education and Training (InjET)*, 2(2), 1–9.

- Shaffe Mohd Daud, Ramli Basri, Roselan Baki, Sahandri Ghani Hamzah, & Mokhtar)Nawawi. (2011). Pengaruh Amalan Jenaka Terhadap Pengajaran dan Pembelajaran Murid. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, 26(1), 125–144.
- Shamsudin Othman, & Abdul Rasid Jamian. (2013). Pelaksanaan Elemen Sastera Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Seni Bahasa Kurikulum Standard Sekolah Rendah. *Jurnal Bahasa*, 13(2), 292–312.
- Shamsudin Othman et al. (2014). Penggunaan gaya bahasa sastera dalam pengajaran bahasa melayu di sekolah menengah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 4(Mei), 59–64.
- Sharifah Nor Puteh, & Aliza Ali. (2012). Persepsi guru terhadap penggunaan kurikulum berasaskan bermain bagi aspek perkembangan bahasa dan literasi murid prasekolah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 2(1), 141–159.
- Siti Hajar Che Man. (2013). Kelestarian Pantun: Rencah dan Leluhur Bangsa Dulu , Kini dan Selamanya. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 1(1), 75–81.
- Siti Shuhaidah Abdul Latir, Ramlah Hamzah, & Abdullah Mat Rashid. (2014). Hubungan pengetahuan dan sikap guru Sains Pertanian terhadap pengajaran kontekstual. *Sains Humanika*, 4(1993), 1–5.
- Smaldino, S.E., Lowther, D.L. & Russell, J.D. (2008). *Instructional Technology and Media for Learning* . Ed. Ke-9. New Jersey: Prentice Hall.
- Suziana Sulaiman. (2012). *Tahap Penguasaan Proses Sains dan Sikap Guru serta Halangan dalam Pengajaran Kemahiran Sainifik bagi Mata Pelajaran Sains Pertanian*. Tesis Master Sains, Universiti Putra Malaysia.
- Suzlina Hilwani Baharuddin, & Jamaludin Badusah. (2016). Pengetahuan, Kemahiran Dan Sikap Guru Sekolah Menengah Terhadap Penggunaan Web 2.0 Dalam Pengajaran Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM (Malay Language Education Journal – MyLEJ)*, 6(2), 33–43.
- Ummu Salma Mohiddin, & Fariza Khalid. (2014). Pengetahuan Guru Sekolah Rendah dalam Penggunaan VLE Frog untuk Pengajaran & Pembelajaran. *The 4th International Conference on Learner Diversity 2014*, 780–788.
- Yahya Buntat, & Lailinanita Ahamad. (2012). Inovasi Pengajaran dan Pembelajaran Dalam Kalangan Guru-Guru Teknikal Di Sekolah Menengah Teknik Dari Perspektif Guru. *Journal of Technical, Vocational & Engineering Education*, 6(June), 44–58.
- Yahya Othman, & Dayang Raini Pakar. (2011). Kesan Aplikasi Perisian Cerita Interaktif Semasa Mengajarkan Kemahiran Bacaan dan Kefahaman dalam Kalangan Murid Tahun 4 di Brunei Darussalam. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1(1), 27–49.

- Zamri Mahamod. (2012). *Inovasi P&P dalam Pendidikan Bahasa Melayu*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Zamri Mahamod, & Magdeline anak Nor. (2012). Penguasaan Pengetahuan Pedagogi Kandungan Guru Bahasa Iban. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 12(2), 593–608.
- Zamri Mahamod, & Nor Razah Lim. (2011). Kepelbagaian Kaedah Penyoalan Lisan dalam Pengajaran Guru Bahasa Melayu: Kaedah Pemerhatian. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1(Mei), 51–65.
- Zamri Mahamod, & Nur Aisyah Mohamad Noor. (2011). Persepsi Guru Tentang Penggunaan Aplikasi Multimedia Dalam Pengajaran Komponen Sastera Bahasa Melayu. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 11(3), 163–177.
- Zanariah Wahab, & Zamri Mahamod. (2017). Pengetahuan, Kemahiran Pelaksanaan dan Sikap Guru Bahasa Melayu Sekolah Rendah terhadap Pendekatan Didik Hibur, *Seminar Serantau Ke-8, UKM*, 19–26.
- Zina O' Leary. (2004). *The Essential Guide To Doing Research*. SAGE Publications. London: SAGE Publications.
- Zuraini Jusoh, & Abdul Rasid Jamian. (2014). Kesan Bercerita terhadap Pencapaian Penulisan Karangan Naratif Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu (JPBM)*, 4(1), 11–18.

BIODATA PELAJAR

Pelajar ini telah dilahirkan di Tanah Merah, Kelantan pada tanggal 11 Disember 1975. Beliau telah mendapat pendidikan rendah di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Yuk Cheng, Tanah Merah, Kelantan. Kemudian, meneruskan pendidikan menengah rendah dan tinggi di Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Mahmud Paduka Raja, Tanah Merah dalam aliran Perdagangan dan Ekonomi. Seterusnya, pada tahun 1987, beliau menyambung pengajian ke peringkat ijazah sarjana muda dalam bidang Pentadbiran Perniagaan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Beliau mula berkhidmat sebagai Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah pada tahun 2006 di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Yu Hua, Kajang selepas menamatkan pengajian Pendidikan melalui Kursus Pengurusan Lulusan Ijazah (KPLI) di Maktab Perguruan Perlis, Perlis dalam pengkhususan Pendidikan Jasmani dan Bahasa Melayu. Semasa berkhidmat di SJKC Yu Hua, Kajang, beliau mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu dan Pendidikan Jasmani selama 10 tahun. Pada tahun 2007, beliau telah dianugerahkan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) oleh pihak pengurusan sekolah atas perkhidmatan cemerlang yang ditaburkan. Pada tahun 2016, beliau mendapat tawaran melanjutkan pelajaran ke peringkat Ijazah Sarjana dalam bidang Pengajaran Bahasa Melayu sebagai Bahasa Pertama di Universiti Putra Malaysia. Sepanjang kerjaya sebagai seorang guru, beliau terlibat aktif dengan sukan olahraga dan permainan badminton di peringkat daerah Hulu Langat, Selangor. Beliau juga menyumbangkan bakti dalam beberapa pertandingan berkaitan dengan subjek Bahasa Melayu peringkat sekolah dan daerah.

PENERBITAN

Owing Ji Seng, Azhar Md. Sabil & Shamsudin Othman (2018). Tahap Pengetahuan dan Sikap Guru terhadap Pendekatan Didik Hibur dalam Pengajaran Bahasa Melayu. *International Journal of Education and Training*, Vol. 4(2) November 2018, 1-9.





UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

PENGESAHAN STATUS UNTUK TESIS/LAPORAN PROJEK DAN HAKCIPTA

SESI AKADEMIK : Semester Kedua 2019/2020

TAJUK TESIS/LAPORAN PROJEK :

PERBEZAAN TAHAP PENGETAHUAN DAN SIKAP GURU TERHADAP PENDEKATAN
DIDIK HIBUR DALAM PENGAJARAN BAHASA MELAYU SEKOLAH RENDAH

NAMA PELAJAR : OWING JI SENG

Saya mengaku bahawa hakcipta dan harta intelek tesis/laporan projek ini adalah milik Universiti Putra Malaysia dan bersetuju disimpan di Perpustakaan UPM dengan syarat-syarat berikut :

1. Tesis/laporan projek adalah hak milik Universiti Putra Malaysia.
2. Perpustakaan Universiti Putra Malaysia mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan akademik sahaja.
3. Perpustakaan Universiti Putra Malaysia dibenarkan untuk membuat salinan tesis/laporan projek ini sebagai bahan pertukaran Institusi Pengajian Tinggi.

Tesis/laporan projek ini diklasifikasi sebagai :

*sila tandakan (v)

SULIT

(mengandungi maklumat di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)

TERHAD

(mengandungi maklumat yang dihadkan edaran Kepada umum oleh organisasi/institusi di mana penyelidikan telah dijalankan)

AKSES TERBUKA

Saya bersetuju tesis/laporan projek ini dibenarkan Diakses oleh umum dalam bentuk bercetak atau atas talian.

Tesis ini akan dibuat permohonan :

PATEN

Embargo _____ hingga _____
(tarikh) (tarikh)

Pengesahan oleh:

(Tandatangan Pelajar)
No Kad Pengenalan / No Pasport.:

Tarikh :

(Tandatangan Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan)
Nama:

Tarikh :

[Nota : Sekiranya tesis/laporan projek ini SULIT atau TERHAD, sila sertakan surat dari organisasi/institusi tersebut yang dinyatakan tempoh masa dan sebab bahan adalah sulit atau terhad.]